

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 6

Y.B. DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini bon-bon dan pinjaman yang telah diterima oleh Kerajaan dari negara-negara atau pihak luar bagi memastikan impian ke arah mengurangkan hutang negara Malaysia sebanyak RM1 trilion benar-benar tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan diperoleh menerusi penerbitan bon dan sukuk Kerajaan daripada sumber dalam negeri dan juga luar negeri. Sejar dengan peraturan kewangan yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Akta Pinjaman (Tempatan) 1959, Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963, pinjaman hanya dibuat untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan membiayai semula hutang yang matang.
2. Di samping itu, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 juga menetapkan bahawa siling pinjaman luar negeri tidak melebihi RM35 bilion. Sehingga akhir Jun 2019, jumlah hutang luar negeri terkumpul adalah RM29.2 bilion atau 1.9% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan merangkumi hutang dalam mata wang Dolar AS (RM15.9 bilion), Yen (RM13.1 bilion), Dinar Islamik (RM216 juta), Euro (RM1.6 juta) dan Dolar Kanada (RM2.5 juta).
3. Pada 15 Mac 2019, Kerajaan Persekutuan telah menerbitkan bon Samurai dengan jaminan *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) sebanyak 200 bilion yen (RM7.4 bilion), bertempoh matang 10-tahun pada kadar kupon 0.53% setahun. Penerbitan bon ini merupakan yang pertama sejak penerbitan bon Samurai yang terakhir pada tahun 1989 dan merupakan terbitan bon kerajaan jaminan JBIC yang terbesar dalam pasaran Jepun.
4. Sehingga akhir Jun 2019, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM799.1 bilion atau 52.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam pengurusan hutang yang berhemah, setiap terbitan bon atau sukuk berdenominasi mata wang asing perlu diteliti dengan lebih terperinci mengambil kira had statutori pinjaman luar negeri, profil kematangan hutang dan pendedahan risiko mata wang asing terhadap penarafan negara. Ini bagi memastikan Kerajaan dapat meluaskan asas pelabur, mendapat nilai untuk wang (*value for money*) ke atas kadar kupon, seterusnya mencapai objektif utama untuk mengurangkan kos pembiayaan Kerajaan.